

8,027 jemaah batal umrah terima sagu hati RM1,671

Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun simpanan TH

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seramai 8,027 jemaah umrah yang terkesan selepas terpaksa membatalkan pemergian ke Tanah Suci akibat penularan jangkitan virus Omicron bermula 8 Januari lalu bakal menerima sagu hati daripada Tabung Haji (TH) bermula Jumaat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, berkata pihaknya menerima senarai nama je-

maah daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan daripada jumlah itu, seramai 1,000 jemaah masih belum mempunyai akaun simpanan TH.

Beliau berkata, bayaran sagu hati sebanyak RM1,671 seorang akan dikreditkan terus ke dalam akaun simpanan TH dan mereka yang belum mempunyai akaun simpanan itu disaran membuka-

nya sebelum Jumaat ini.

“Pembayaran sagu hati ini tandanya keperihatinan kerajaan kepada jemaah yang terpaksa membatalkan umrah dan pembayaran hanya dikreditkan ke akaun simpanan TH bagi memudahkan urusan,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Media sebelum ini melaporkan jemaah menteri bersama MOTAC, Kementerian Kewangan,

“Pembayaran sagu hati ini tandanya keperihatinan kerajaan kepada jemaah yang terpaksa membatalkan umrah dan pembayaran hanya dikreditkan ke akaun simpanan TH”

**Idris Ahmad,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**



Jemaah Malaysia yang membatalkan umrah akibat penularan varian Omicron Januari lalu akan menerima sagu hati daripada TH. (Foto hiasan)

Kementerian Kesihatan (KKM) dan TH bersetuju memberi pam-pasan kepada mereka yang tidak boleh menunaikan umrah bermula 8 Januari lalu.

Idris berkata, jemaah umrah boleh melayari www.thijari.com.my untuk membuka akaun simpanan TH secara dalam talian dan hadir ke kaunter TH yang terdekat bagi proses pengaktifan akaun secara biometrik.

Beliau berkata, bagi mereka yang mempunyai kesukaran mendaftar secara dalam talian,

boleh datang terus ke cawangan TH terdekat untuk tujuan pendaf-taran dan akan dibantu kakita-ngan TH bertugas.

“Mereka yang mahu membuka akaun bagi urusan bayaran sagu hati itu akan dilayan serta-merta tanpa perlu beratur dan menunggu lama.

“Saya juga sudah memaklumkan kepada pihak TH supaya se-gala tuntutan pembayaran diper-mudahkan supaya tidak berlaku kesulitan besar terhadap tuntu-tan ini,” katanya.

BANK PERTAKAN MALAYSIA BERHAD 200000103522 (B1110-0)



PEMBIAYAAN AR-RAHNU (TAWARRUQ)

AR-RAHNU AGROBANK

AGROBANK MENAWARKAN MARGIN PEMBIAYAAN SEHINGGA 80%*

*Bermula dari

Januari 2022 sehingga Jun 2022



* Perkiraan yang dinyatakan berdasarkan pada lema dan syarat dan sebarang perubahan lema dan syarat dari semasa ke semasa.



Imbas untuk info



www.agrobank.com.my



[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV